

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN**

**[ TANJONG MANIS – BN ]**

**SOALAN (NO. 158)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jika terdapat perancangan daripada Kementerian untuk memberi lebih peruntukan kepada sukan bukan teras seperti “muay thai” dan sukan permotoran yang mencatatkan keputusan yang memberangsangkan di peringkat dunia melibatkan remaja berusia 13 hingga 17 tahun berbanding dengan sukan bola sepak di mana “ranking FIFA” Malaysia telah jatuh ke tangga 174 dunia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ini melalui Bahagian Pembangunan Sukan sememangnya memfokuskan pelaksanaan program-program Sukan Untuk Semua. Justeru itu, KBS ini telah merancang, menyelaras dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sukan yang diminati bagi menarik minat masyarakat untuk menyertai program-program serta menjadi platform dalam pencarian bakat baru.
2. Pada tahun ini sebanyak 2,949 program akan dilaksanakan di seluruh negara dengan sasaran penyertaan 283,582 orang. Program-program yang dilaksanakan merangkumi program sukan kecergasan, sukan OKU, FitMalaysia@community, sukan pemotoran, sukan rekreasi, sukan ekstrem, dan sukan rakyat / sukan untuk semua.
3. Selain itu, Kementerian ini juga sentiasa berusaha membangunkan sukan bermotor di negara ini terutamanya kepada golongan belia yang ingin menjadi pelumba profesional bagi mewakili negara ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu, KBS dengan kerjasama Litar Sepang Antarabangsa (SIC) telah merangka Program Pembangunan Sukan Permotoran seperti:-
  - i. Program KBS – MAM Kapcai Endurance  
Program ini memberi ruang kepada golongan belia mempamerkan aksi menunggang motosikal kapcai di atas trek perlumbaan yang selamat, efektif, profesional dan terkawal. Ia juga bagi mencungkil lebih ramai lagi bakat baru dalam perlumbaan motosikal. Program ini banyak membantu dalam mengurangkan gejala lumba haram daripada berleluasa.

Program ini diadakan di kawasan litar yang terpilih di seluruh negara. Pada tahun 2015 kawasan litar yang diadakan terdiri di Litar MMIC Melaka, Litar Go Kart SIC Sepang, Litar di Pekan, Pahang, Litar UUM Sintok, Kedah dan pusingan akhir diadakan di Litar Antarabangsa Sepang.

Antara kelas motorsikal yang dipertandingan terdiri daripada:-

- a) Kelas 1 - Motorsikal Kapcai berkeupayaan 100cc ke bawah
- b) Kelas 2 - Motorsikal Kapcai berkeupayaan berkeupayaan 120cc ke bawah
- c) Kelas 3 - Motorsikal Kapcai berkeupayaan 150cc ke bawah
- d) Kelas Terbuka - Motorsikal Kapcai berkeupayaan 150cc ke atas

ii. Program Shell Advance Asia Talet Cup

Program ini diperkenalkan pada tahun 2014 yang mengenangkan 19 pelumba berbakat dari serata Asia. Objektif program ini adalah untuk memilih bakat dari Asia yang boleh dibawa ke peringkat seterusnya seperti FIM Spanish CEV dan ke Kejohanan Moto GP Dunia. 2 pelumba dari Malaysia telah terpilih untuk program ini iaitu Izam Ikmal yang berusia 14 tahun dan Idham Khairuddin berusia 16 tahun. Selain itu, pelumba lain yang lahir dari program ini juga adalah Adam Norrodin yang telah menjadi pelumba Moto3 dalam Kejohanan Moto GP Dunia.

iii. Program Pemantapan Sahsiah dan Kecergasan Atlet

Program ini adalah untuk meningkatkan dan mengekalkan momentum pelumba – pelumba dalam sukan bermotor bagi melahirkan pelumba yang berprestasi tinggi. Program kecergasan atlet amat penting bagi aspek prestasi dan juga kecederaan yang dihadapi oleh pelumba. Antara 4 elemen untuk memastikan pelumba – pelumba bersedia adalah pemikiran, pemakanan, pergerakan dan pemulihan.

Sekian, terima kasih.